



Perdana Menteri dalam temu bual bersama Guanacha

(Foto tangkap layar Youtube Guanacha Global)

# Malaysia bersiap sedia sertai BRICS

Penyertaan ruang suarakan pelbagai isu pada peringkat antarabangsa, berikan pelbagai manfaat ekonomi

Oleh Alzahrin Alias dan Mohd Amin Jalil  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia akan memulakan prosedur rasmi tidak lama lagi untuk menyertai organisasi antara kerajaan, BRICS yang merujuk Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kami sudah mengambil keputusan yang sewajarnya, kami akan melancarkan proses rasmi tidak lama lagi. Sekarang kami menunggu keputusan akhir, maklum balas daripada kerajaan Afrika Selatan," katanya dalam temu bual bersama Guanacha, syarikat penerbitan berpangkalan di Shanghai, China.

Memetik laporan NEWS.AZ, Anwar berkata, sebelum ini beliau mengadakan perbincangan mengenai pengembangan BRICS dengan Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva.

Memaklumkan bahawa Malaysia lega dunia tidak lagi 'unipolar' atau sistem tadbir urus global dikuasai sebuah negara berkuasa penuh tanpa boleh dicabar, beliau berkata, kebangkitan BRICS dan China khususnya, menawarkan harapan terdapat semak danimbang di dunia.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa Barat mahu 'mengawal wacana' di dunia dan berkata: "Kita tidak lagi boleh menerimanya kerana mereka bukan

lagi kuasa penjajah dan negara merdeka harus bebas untuk menyerlahkan diri mereka".

BRICS ditubuhkan pada 2009 sebagai platform kerjasama ekonomi sedang pesat membangun dan paling penting di dunia bagi mencabar kuasa politik serta ekonomi negara kaya di Amerika Utara dan Eropah Barat.

Anggota asal organisasi itu merangkumi Brazil, Russia, India dan China sebelum disertai Afrika Selatan pada 2010, disusuli Iran, Mesir, Ethiopia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 2004.

BRICS kini menyumbang satu perempat daripada ekonomi global yang merangkumi satu perlima daripada perdagangan global, dengan populasi sekitar 40 peratus penduduk dunia.

Di Bukit Mertajam, BERNAMA melaporkan Anwar ketika ditemui pemberita selepas kenduri sempena Aidiladha di Mengkuang Semarak, mengesahkan sudah menyatakan hasrat untuk menyertai BRICS kepada Lula da Silva dan Malaysia akan melalui proses untuk tujuan berkenaan.

"Sejak dua bulan lalu, telah diangkat supaya Kementerian Luar buat kajian keputusan dasar kita untuk menyertai BRICS. Kita akan melalui proses untuk memungkinkan kita menyertai BRICS. Saya sendiri bercakap dengan Presiden Brazil mengenai hasrat demikian," katanya.

## Ruang suarakan pelbagai isu

Di Rembau, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata hasrat Malaysia menyertai BRICS adalah supaya ruang menyuarakan pelbagai isu pada peringkat antarabangsa dapat dilakukan dengan lebih efektif berbanding secara bersendirian.

"Malaysia sedang menganalisis, memantau dan melihat kesediaan menjadi anggota BRICS. Tiga faktor utama jadi asas penyertaan kita, iaitu kepentingan dan faedah bakal diperoleh, se-

lain impak penyertaan, terutama dari segi ruang menyuarakan hasrat negara dalam pelbagai isu di pentas antarabangsa.

"Melalui blok berkenaan, Malaysia dapat menyuarakan apa juga isu pada peringkat antarabangsa kerana ia lebih berkesan daripada 'bersendirian,'" katanya pada Majlis Pelancaran Kampung Angkat MADANI dan Ibadah Korban Aidiladha Kementerian Luar di Kampung Kanchong Rantau, semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Rembau berkata, hasrat Malaysia menyertai BRICS bukan untuk bermegah-megah kerana menjadi negara anggota, sebaliknya lebih kepada faedah yang ditawarkan kerana ada juga anggota sebelum ini keluar daripada blok berkenaan.

"Malaysia perlu sertai blok tertentu untuk bersuara di pentas dunia kerana dunia sekarang berada dalam pelbagai blok. Contoh blok ASEAN, kelompok serantau mempunyai suara yang besar dengan jumlah penduduk lebih 700 juta dan mempunyai GDP (Keluaran Dalam Negeri Kasar) keempat terbesar di dunia.

"Jadi, gabungan ASEAN itu sebagai suatu suarayang kuat, pentas yang kukuh untuk Malaysia. Itu impaknya," katanya.

Di Shah Alam, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika ditemui media selepas merasmikan Kilang Korporat Chery Malaysia, yakin penyertaan Malaysia dalam BRICS dapat memberikan pelbagai manfaat, terutama ekonomi.

"Malaysia sudah terbabit selama ini dalam beberapa platform perdagangan dua hala dan pelbagai hala serta negara anggota kepada 15 Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). BRICS forum ekonomi dan Malaysia terbuka untuk berbincang," katanya.